 - B. Dapat mewujudkan perniagaan yang mampan
 - C. Dapat mengelakkan berlaku kerosakan sumber
 - D. Dapat meningkatkan kecekapan dan kemahiran pekerja
25. Apakah tujuan Syarikat Perabot Mutiara menjalankan penyelenggaraan berkala ke atas mesin dan peralatan mereka?
- A. Menjual mesin dan peralatan kepada syarikat pesaing
 - B. Menukar mesin dan peralatan yang lama kepada baharu
 - C. Memastikan operasi kilang berjalan lancar mengikut jadual
 - D. Menghentikan proses pengeluaran apabila berlaku kerosakan
26. Maklumat yang berikut berkaitan dengan Puan Abby.

Puan Abby merupakan seorang pengusaha restoran. Beliau mengambil keputusan untuk membuka cawangan restorannya dengan menggunakan wang simpanan sendiri memandangkan perniagaannya mendapat sambutan yang memberansangkan daripada pengguna.

Mengapakah Puan Abby memilih untuk menggunakan sumber pembiayaan tersebut?

- I. Mendapat jaminan
 - II. Memperoleh modal dengan cepat
 - III. Mengelakkan pembayaran faedah
 - IV. Faedah yang dikenakan lebih rendah
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

27. Situasi di bawah ini berkaitan dengan sumber pembiayaan luaran.

Cik Devi ingin memulakan perniagaan menjual karpet di Kawasan perumahan Taman Putera Indah, Muar. Beliau memiliki simpanan peribadi, tetapi modal tambahan masih tidak mencukupi. Puan Siva sebagai sahabat baiknya mencadangkan beliau membuat pinjaman berbentuk gadaian.

Apakah sumber pembiayaan secara gadaian yang dicadangkan oleh Puan Siva kepada Cik Devi?

- A. Sewa beli
- B. Ar-Rahnu
- C. Pemfaktoran
- D. Jaminan kredit

28. Perbualan berikut berkaitan dengan satu sumber pembiayaan luaran.

Tasha : Mikayla, syarikat saya memperoleh kontrak menjahit pakaian seragam hospital. Maka saya perlu memohon pembiayaan untuk membeli beberapa buah mesin jahit.

Mikayla : Apa kata awak cuba memohon pembiayaan pajakan? Lagipun, awak hanya perlukan mesin untuk sementara sahaja bagi menyiapkan projek pakaian seragam hospital tersebut.

Mengapakah Mikayla mencadangkan pembiayaan tersebut?

- A. Boleh mendapatkan pembiayaan modal kerja
- B. Boleh dicagarkan untuk mendapatkan pinjaman
- C. Dapat mengelakkan daripada risiko keusangan aset
- D. Dapat memiliki aset selepas tamat tempoh pajakan

29. Mengapakah Penyata Aliran Tunai penting kepada usahawan?

- A. Menunjukkan penerimaan dan pembayaran perniagaan
- B. Membantu usahawan untuk mengehendkan perbelanjaan semasa
- C. Menunjukkan kedudukan anggaran tunai pada masa depan
- D. Menjadi panduan kepada pihak bank untuk menuntut hutang

30. Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Alden pada 31 Disember 2022.

Modal	RM50000
Aset semasa	RM15000
Liabiliti semasa	RM7500

Berapakah nisbah semasa Perniagaan Alden?

- A. 0.3 : 1
- B. 0.5 : 1
- C. 2 : 1
- D. 3.33 : 1

31. Mengapakah seseorang usahawan perlu bijak menguruskan stok dalam perniagaan?
- A. Supaya mudah dikunjungi
 - B. Untuk mengelakkan modal terikat
 - C. Untuk memanfaatkan teknologi terkini
 - D. Supaya diri lengkap dengan pengetahuan perniagaan
32. Encik Joseph ialah seorang pengeluar bag. Beliau memberikan bagna nama jenama D'Jor. Tindakan manakah yang dapat membantu Encik Joseph membina jenama yang kukuh dalam jangka panjang?
- A. Menjual bag pada harga murah
 - B. Menjalankan promosi yang intensif
 - C. Menghasilkan kasut dengan ciri-ciri unik
 - D. Mengedarkan hasil kasut secara meluas
33. Pada pendapat anda, mengapakah pemilihan lokasi perniagaan yang sesuai penting bagi seorang usahawan peralatan muzik yang menyewa premis?
- A. Dapat meminimumkan kos sewa premis
 - B. Memudahkan melaksanakan aktiviti promosi
 - C. Dapat memaksimumkan kunjungan pelanggan
 - D. Memudahkan usahawan mendapat pembiayaan
34. Encik Stanley ialah seorang usahawan dan beliau menghadiri pelbagai jenis latihan. Pada pendapat anda, mengapakah Encik Stanley memerlukan pelbagai jenis latihan?
- A. Menjadikan beliau lebih berdaya maju dan mampu bersaing
 - B. Membolehkan beliau menguruskan stok pada tahap yang optimum
 - C. Membolehkan beliau mengurus aliran tunai perniagaan dengan baik
 - D. Membolehkan beliau menjalankan aktiviti pemasaran dengan berkesan
35. Encik Shaik memulakan perniagaan restoran dan mendaftarnya sebagai 'Restoran Shaik'. Tindakan manakah yang perlu dipatuhi oleh Encik Shaik setelah mendaftarkan perniagaannya?
- I. Memulakan operasi perniagaan dengan serta merta
 - II. Mempamerkan sijil perakuan pendaftaran perniagaan
 - III. Mempamerkan lesen perniagaan di premis perniagaan
 - IV. Membayar cukai pintu sebelum memulakan perniagaan
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan III
 - D. II dan IV

36. Cik Lily ingin memohon pinjaman bank untuk mengembangkan perniagaannya. Mengapakah pembiaya menghendaki Cik Lily menyediakan Proforma Aliran Tunai?
- A. Memastikan Cik Lily mempunyai cukup wang untuk berniaga
 - B. Membantu Cik Lily mengelakkan pembaziran wang pinjaman
 - C. Membantu Cik Lily mengelakkan penyelewengan perniagaan
 - D. Menunjukkan keupayaan Cik Lily menjelaskan balik pinjaman
37. Gambar 4 berkaitan dengan satu kaedah promosi.



Gambar 4

- Apakah matlamat kaedah promosi berkenaan?
- A. Memberitahu dan memujuk pengguna
 - B. Mendapat kesetiaan pengguna
 - C. Meningkatkan imej jenama syarikat
 - D. Meningkatkan jualan dalam jangka pendek
38. Mengapakah usahawan perlu menyediakan rancangan perniagaan?
- A. Memberi gambaran awal keuntungan yang akan dicapai
 - B. Dapat mengenal pasti kos-kos operasi yang akan terlibat
 - C. Sebagai panduan hala tuju perniagaan
 - D. Meyakinkan pihak bank
39. Maklumat yang berikut berkaitan dengan salah satu kepentingan menyediakan rancangan perniagaan.
- Merancang keperluan sumber perniagaan
- Bagaimanakah ia dapat membantu perniagaan?
- A. Meramal dan menangani risiko
 - B. Memperoleh sumber kewangan
 - C. Beroperasi dengan lebih sistematik
 - D. Menyediakan garis panduan hala tuju
40. Mengapakah rancangan operasi penting dalam sesuatu rancangan perniagaan?
- A. Memberikan gambaran aktiviti pengeluaran produk
 - B. Dapat menunjukkan pengagihan sumber tenaga kerja
 - C. Dapat menjamin bahan mentah digunakan secara optimum
 - D. Menunjukkan jumlah jualan yang bakal dicapai oleh perniagaan



SET 2

KERTAS 2

[ARAS SEDERHANA]

BAHAGIAN A

[50 markah]

Jawab mana-mana **lima** soalan daripada bahagian ini.

1. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis bentuk pemilikan perniagaan.

Syarikat Kejora Berhad	
Produk	Pengeluar bekas tin untuk makanan, cat dan bahan kimia.
Jumlah Pekerja	250 orang pekerja tetap
Jumlah Jualan Tahunan	RM 51 Juta
Pasaran	Seluruh Malaysia, Brunei dan Singapura

- (i) Jelaskan bentuk pemilikan perniagaan tersebut?

[3 markah]

- (ii) Terangkan klasifikasi perniagaan 1(a)(i).

[4 markah]

(iii) Huraikan skala perniagaan bagi Syarikat Kejora Berhad.

[3 markah]

2. (a) Visi, Misi dan Objektif perniagaan merupakan perancangan yang digunakan oleh organisasi perniagaan dalam mencapai sesuatu matlamat.

Jelaskan maksud misi sesebuah perniagaan.

[2 markah]

(b) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat Minuman Sedap.

Syarikat Minuman Sedap bermatlamat untuk mencapai keuntungan sebanyak RM50 000 sebulan. Namun atas ketidakcekapan pengurusan, Syarikat Minuman Sedap hanya dapat mencapai keuntungan sebanyak RM30 000 sebulan.

(i) Jelaskan langkah penyelesaian yang boleh digunakan oleh Syarikat Minuman Sedap apabila gagal mencapai sesuatu matlamat perniagaan.

[4 markah]

(ii) Terangkan faktor dalaman yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif perniagaan.

[4 markah]

3. (a) Gambar di bawah menunjukkan satu bahagian fungsian dalam perniagaan.



Jelaskan peranan yang dimainkan oleh bahagian fungsian tersebut?

[4 markah]

- (b) Gambar berikut berkaitan dengan sebuah agensi kerajaan.



Jelaskan peranan agensi tersebut bagi membantu perniagaan.

[6 markah]

4. (a) Huraikan kelebihan berniaga satu peluang kerjaya dari aspek matlamat peribadi dan objektif perniagaan.

[6 markah]

(b) Nyatakan butiran yang terkandung dalam kunci kira-kira.

[4 markah]

5. Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Roti Bakar yang dimiliki oleh Puan Saleha.

Selepas tular video di Tik Tok, Roti Bakar mendapat sambutan hangat daripada pelanggan dari seluruh Lembah Kelang. Kebiasaannya, Puan Saleha mengeluarkan 350 pek roti bakar pada setiap hari. Namun, setelah roti bakar beliau menjadi tular di laman sosial, Puan Saleha terpaksa meningkatkan pengeluaran kepada 700 pek roti bakar setiap hari. Untuk mencapai objektif tersebut, Puan Saleha perlu membeli mesin dan peralatan tambahan yang menelan belanja sebanyak RM40 000.

(a) Cadangkan sumber pembiayaan yang boleh dipohon oleh Puan Saleha.

[3 markah]

(b) Nyatakan dua kelemahan bagi sumber pembiayaan yang dipilih di 5(a).

[2 markah]

(c) Nyatakan dua pihak berkepentingan kepada penyata kewangan sesebuah perniagaan.

[2 markah]

(d) Jelaskan maksud kos tetap.

[3 markah]

6. (a) Gambar di bawah menunjukkan jenis sumber fizikal bagi salah satu syarikat pengeluar kenderaan di Malaysia.



X



Y

(i) Nyatakan jenis sumber fizikal **X** dan **Y**.

[2 markah]

(ii) Terangkan prosedur mengurus sumber fizikal 6(a)(i).

[6 markah]

(b) Berikan **dua** contoh sumber teknologi bagi syarikat tersebut.

[2 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab *dua* soalan sahaja

7. Encik Amirul Ahmadi merupakan pemilik Perusahaan Yummy & Hommey Sdn.Bhd. Beliau ingin mengembangkan perniagaan beliau ke pasaran yang lebih luas bagi meningkatkan hasil jualan.
- (a) Terangkan **dua** perancangan yang boleh diambil oleh Encik Amirul Ahmadi bagi merealisasikan hasrat beliau. [4 markah]
- (b) Huraikan **satu** sumber pembiayaan perniagaan yang boleh diambil oleh Encik Amirul Ahmadi bagi menampung kos mengembangkan Perusahaan Yummy & Hommey Sdn. Bhd. [3 markah]
- (c) Terangkan prosedur am mendapatkan sumber pembiayaan untuk sebuah perniagaan Encik Amirul Ahmadi. [8 markah]
8. Maklumat berikut berkaitan dengan aplikasi teknologi yang digunakan oleh sebuah perniagaan.

Puan Maryam baharu sahaja memulakan perniagaan menjual pakaian kanak-kanak secara dalam talian. Puan Maryam perlu menggunakan aplikasi teknologi maklumat yang sesuai untuk perniagaan beliau. Justeru itu, Puan Maryam bercadang untuk mengambil seorang pekerja. Beliau memerlukan graduan dalam bidang teknologi maklumat. Selain itu, calon yang pernah bekerja di kedai pakaian bayi akan diberikan keutamaan.

Puan Maryam telah mendaftarkan perniagaannya di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dengan menggunakan nama Pakaian Geeboo Enterprise. Namun begitu, seorang rakannya berminat untuk melaburkan modal dalam perniagaannya sebagai rakan kongsi. Puan Maryam bersetuju. Oleh itu, beliau perlu mengubah maklumat pemilikan perniagaannya daripada milikan tunggal kepada perkongsian.

- (a) Jelaskan aplikasi teknologi maklumat yang digunakan oleh Puan Maryam. [5 markah]
- (b) Terangkan kemahiran keboleherjaan pekerja yang diperlukan oleh Puan Maryam. [4 markah]
- (c) Jelaskan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh Puan Maryam setelah mendaftarkan perniagaannya. [6 markah]

9. Maklumat berikut diperolehi daripada rekod kewangan Mawar Kasih Enterprise bagi tahun 2022.

BUTIRAN	RM
Untung Kasar	85 000
Untung Bersih	55 000
Jualan Bersih	135 000
Belian Bersih	120 000
Kos Jualan	50 000
Modal Awal	150 000
Modal Akhir	200 000

- (a) Hitungkan peratus untung bersih dan peratus pulangan atas modal. [6 markah]
- (b) Jelaskan prestasi kedudukan kewangan Mawar Kasih Enterprise berdasarkan nisbah keberuntungan di atas? [3 markah]
- (c) Terangkan **dua** faktor persekitaran yang mempengaruhi keperluan perniagaan Mawar Kasih Enterprise untuk mengubah visi, misi dan objektif perniagaannya. [6 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

10. Syarikat Lala Fashion merupakan syarikat pengeluar pakaian kanak-kanak terbesar di Kota Samarahan. Syarikat ini dimiliki oleh Puan Fariza Ahmad dan telah beroperasi selama 10 tahun.

Pada awal penubuhan, syarikat ini telah menjalankan perniagaan mengeluarkan pakaian kanak-kanak secara kecil-kecilan. Namun, keunikan dan rekaan yang kreatif bagi pakaian kanak-kanak yang telah dikeluarkan, jenama LalaKids menjadi tular dan mendapat sambutan yang meluas bagi penduduk di sekitar Kota Samarahan.

Selain daripada permintaan yang semakin meningkat, Puan Fariza Ahmad telah menerima pelbagai bentuk tawaran bagi mengembangkan perniagaan ini. Antaranya, membentuk syarikat perkongsian yang membolehkan perolehan sumber kewangan yang lebih besar. Walau bagaimanapun, Puan Fariza Ahmad lebih selesa menguruskan perniagaan beliau dengan sendiri.

Pada tahun 2019, Malaysia tidak terkecuali diuji dengan penularan wabak COVID-19 dan ianya berlarutan sehingga kini. Pada awal penularan wabak, terdapat penurunan permintaan terhadap pakaian kanak-kanak yang dikeluarkan kerana rakyat Malaysia lebih memilih untuk berjimat cermat dan hanya berbelanja pada barang keperluan hidup seperti makanan sahaja.

Jadual di bawah ini menunjukkan trend keuntungan Syarikat Lala Fashion dari tahun 2018 sehingga 2022.

2018	2019	2020	2021	2022
RM100 000	RM60 000	RM40 000	RM80 000	RM120 000

Bagi meningkatkan jualan, Puan Fariza Ahmad membuat keputusan untuk mempromosikan produk beliau dalam laman media sosial seperti Facebook, Tik Tok, Instagram dan Twitter. Tindakan tersebut telah meluaskan pasaran dan sasaran pelanggan produk LalaKids ke seluruh Malaysia dan luar negara. Disebabkan itu, Puan Fariza Ahmad memerlukan lebih banyak sumber kewangan bagi meningkatkan pengeluaran pakaian kanak-kanak yang direka oleh beliau.

Kos yang diperlukan bagi pengeluaran tersebut ialah RM80 000. Puan Fariza Ahmad bercadang untuk membuat pinjaman bagi mencukupkan modal tersebut. Terdapat dua insentif kewangan yang ingin dipilih oleh beliau.

Agensi/Institusi Kewangan	TEKUN Nasional	Maybank
Jenis Pembiayaan	Bantuan Modal	Pinjaman Perniagaan
Jumlah Pembiayaan	RM100 000	RM200 000
Kadar Faedah	3.5%	4.25%
Tempoh Pembiayaan	7 Tahun	10 Tahun

Dengan kelulusan pembiayaan yang ingin dilakukan, Puan Fariza Ahmad akan membeli mesin jahit, bahan-bahan jahitan seperti kain dan benang serta menggunakan sedikit sumber bagi tujuan pemasaran.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut.

- (a) Pada pendapat anda, mengapakah Puan Fariza Ahmad ingin kekal mengurus perniagaan Syarikat Lala Fashion sendiri? Jelaskan. [4 markah]

- (b) Jelaskan trend keuntungan Syarikat Lala Fashion dari tahun 2018 hingga tahun 2019 dan dari tahun 2021 hingga tahun 2022. [6 markah]

- (c) Pada pendapat anda, institusi atau agensi yang manakah paling sesuai untuk dimohon bagi memenuhi keperluan Puan Fariza Ahmad mengembangkan perniagaan beliau. [5 markah]


- (d) Cadangkan kepada Puan Fariza Ahmad cara untuk memastikan keuntungan Syarikat Lala Fashion sentiasa meningkat pada tahun-tahun berikutnya. [5 markah]



SET 3
KERTAS 1
[ARAS TINGGI]

- Pilih pernyataan yang **benar** tentang tujuan perniagaan.
 - menawarkan barang dan perkhidmatan
 - melaksanakan tanggungjawab sosial
 - membantu golongan kurang mampu
 - memperoleh keuntungan
 - I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

- Gambar berikut menunjukkan dua jenis perniagaan.



Apakah sebab berlakunya perubahan pemilikan perniagaan di atas?

- untuk mengurangkan risiko kerugian
 - untuk menjamin keuntungan lebih besar
 - untuk mengamalkan pengkhususan
 - untuk mengurangkan beban cukai
- Gambar berikut menunjukkan sejenis perniagaan.



Pernyataan berikut merupakan ciri-ciri perniagaan di atas, **kecuali**...

- modal perniagaan disediakan oleh francaisor
 - francaisor perlu membayar royalti kepada francaisi
 - perniagaan mesti dikendalikan mengikut sistem yang ditetapkan
 - francaisi berhak untuk menggunakan cap atau rahsia dagangan francaisor
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

4. Antara pernyataan yang berikut, yang manakah merupakan cara untuk menambahkan keuntungan perniagaan?
- I meningkatkan jualan
 - II mengurangkan kos pengeluaran
 - III mengecilkan saiz perniagaan
 - IV menolak subsidi kerajaan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5. Maklumat berikut berkaitan dengan Kilang Portico.

▪ Bilangan pekerja sepenuh masa	: 180 orang
▪ Bilangan pekerja sambilan	: 50 orang
▪ Jumlah jualan tahunan	: RM30

Apakah saiz perniagaan tersebut?

- A Mini
 - B Kecil
 - C Sederhana
 - D Besar
6. Gambar berikut menunjukkan sejenis agensi kerajaan.



Antara yang berikut, pernyataan yang manakah menggambarkan peranan agensi kerajaan ini?

- I mencari kawasan perdagangan baharu di dalam negara
 - II mencetak dan mengedarkan prospektus tentang aktiviti perniagaan di Malaysia
 - III mengekalkan hubungan antara pengimport dengan pengeksport berdaftar
 - IV mengambil bahagian dalam pameran perdagangan antarabangsa
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis masalah ekonomi.

- Permintaan rakyat terhadap barang dan perkhidmatan berkurangan
- Harga barang dan perkhidmatan menurun secara berterusan

Pilih pernyataan yang **benar** tentang cara kerajaan mengatasi masalah ekonomi di atas.

- I menggalakkan tabungan rakyat
 - II menambah perbelanjaan kerajaan
 - III mengurangkan cukai pendapatan
 - IV melaksanakan Dasar Fizikal
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8. Rajah berikut menunjukkan sejenis trend perniagaan.



Pilih faktor dalaman yang menyebabkan berlakunya trend perniagaan di atas.


- A pengurangan kos pengeluaran
- B penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam perniagaan
- C kemelesetan ekonomi
- D pekerja tidak bermotivasi

9. Encik Kamal tidak membenarkan pekerjaanya iaitu Mei Ling mengambil cuti sempena Tahun Baru Cina supaya tidak mengganggu proses pengeluaran di kilang. Tindakan Encik Kamal telah menimbulkan rasa tidak puas hati Mei Ling.

Apakah gaya pengurusan yang diamalkan oleh Encik Kamal?

- A gaya pengurusan laissez-faire
- B gaya pengurusan demokratik
- C gaya pengurusan autokratik
- D gaya pengurusan sederhana


10. Rajah berikut berkaitan dengan campuran pemasaran.



Pilih pernyataan yang **benar** tentang X dan Y.

- I saluran agihan paling jimat kos perlu dipilih untuk mengedarkan barang
 - II pengeluar perlu menghasilkan output yang berkualiti
 - III barang dan perkhidmatan perlu disampaikan dengan selamat ke tangan pengguna akhir
 - IV penjual perlu mengenal pasti sasaran pelanggan perniagaan
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

11. Rajah di bawah menunjukkan ciri-ciri SMART.



Antara berikut, yang manakah mungkin X ?

- I Jangka masa
- II Boleh dicapai
- III Menyeluruh
- IV Mudah difahami

- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

12. Apakah maksud titik pulang modal (TPM)?

- A Kaedah digunakan untuk menentukan jumlah hasil dan jumlah kos
- B Kaedah digunakan untuk menganggarkan modal dan pulangan yang dijangkakan
- C Kaedah digunakan untuk menentukan kejayaan dan kegagalan dalam perniagaan
- D Kaedah digunakan untuk menentukan jumlah pendapatan dan perbelanjaan

13. Bagaimanakah usahawan dapat meningkatkan keuntungan Syarikat?

- A Menjual barang pada harga bawah kos
- B Mengurangkan kos dalam pengeluaran
- C Menambahkan bilangan pekerja dalam pengeluaran
- D Meningkatkan perbelanjaan dalam pembelian input

14. Maklumat berikut menunjukkan keadaan perniagaan Puan Doly.

Puan Doly ingin mencapai jualan sebanyak RM 8 000 pada bulan Oktober. Namun, beliau mencapai jualan sebenar setakat RM 5 000

Apakah langkah untuk menyelesaikan masalah tersebut?

- A Memberhentikan perkerja
- B Mengurangkan gaji pekerja
- C Mengurangkan pengeluaran
- D Mempelbagaikan produk yang dikeluarkan

15. Maklumat berikut berkaitan dengan kos bagi pengeluaran 30 000 unit produk T.

Kos tetap	RM 360 000
Bahan langsung	RM 150 000
Buruh langsung	RM 120 000

Apakah Titik Peluang Modal (TPM) dalam unit bagi pengeluaran produk T sekiranya harga jualan produk itu ialah RM15 seunit?

- A 36 000 unit
- B 42 000 unit
- C 56 000 unit
- D 60 000 unit

16. Maklumat berikut berkaitan dengan objektif perniagaan yang ditetapkan oleh Encik Raja Gopal

- Meningkatkan jualan sebanyak 15% pada tahun 2024
- Membuka tiga cawangan di Sabah dan dua cawangan di Sarawak

Apakah aspek yang membolehkan Encik Raja Gopal mengetahui sama ada mencapai objektif perniagaan di atas?

- I Jualan
- II Pertumbuhan perniagaan
- III Pertubuhan keuntungan
- IV Penguasaan pasaran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17. Maklumat di bawah berkaitan dengan penjabatan mengikut fungsi

Jabatan kewangan menguruskan segala peruntukan yang diterima dan mengagih peruntukan ke jabatan-jabatan lain mengikut kesesuaian


Antara berikut, yang manakah menerangkan objektif fungsian jabatan tersebut?

- A Merupakan objektif umum keseluruhan organisasi
- B Merupakan objektif khusus jabatan dalam organisasi
- C Merupakan objektif khusus setiap unit dalam organisasi
- D Merupakan objektif umum keseluruhan bahagian fungsian

18. Pernyataan manakah yang **benar** tentang tujuan bahagian fungsian teknologi maklumat dan komunikasi?

- A Memudahkan komunikasi pihak dalaman dan luaran
- B Menangani kelebihan pihak pesaing dalam pasaran sedia ada
- C Mendedahkan maklumat penting organisasi kepada pihak berkepentingan
- D Mempromosikan barang dan perkhidmatan yang ditawarkan di laman sosial

19. Rajah di bawah menunjukkan campuran pemasaran



Pernyataan di manakah yang **benar** tentang X?

- A Menghantar barang ke tangan pelanggan tepat pada masanya
- B Menggunakan strategi untuk menentukan nilai produk yang dijual
- C Membuat pembungkusan yang menarik terhadap produk yang dihasilkan
- D Aktiviti menarik pelanggan untuk memberi sesuatu barang menerusi pengiklanan

20. Pernyataan yang manakah benar tentang interaksi antara perniagaan kecil dengan perniagaan fungsian jualan?
- A Perniagaan besar membantu perniagaan kecil menjual produk
 - B Perniagaan besar menghasilkan barang yang diinginkan oleh perniagaan kecil
 - C Perniagaan kecil akan menghubungi perniagaan besar bagi meluaskan pasaran
 - D Perniagaan kecil akan menghubungi perniagaan besar untuk mempelajari besar untuk mempelajari cara mengurus kewangan

21. Aktiviti yang manakah bukan sebahagian daripada pengurusan ganjaran pekerja?
- A Penilaian prestasi
 - B Penetapan sasaran kerja
 - C Analisis keperluan latihan
 - D Pengurusan gaji dan upah

- Perjanjian yang termeterai antara pekerja dengan majikan.
- Tertakluk kepada akta atau undang-undang tertentu.

22. Pernyataan di atas berkaitan

- A Deskripsi tugas
- B Spesifikasi tugas
- C Keperluan pekerja
- D Kontrak pekerjaan

23. Yang manakah peringkat dalam pembangunan pasukan?

- I. Pembentukan
 - II. Pertelingkahan
 - III. Kebiasaan
 - IV. Pelaksanaan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D I, II, III dan IV

24. Yang manakah situasi bagi pemberhentian pekerja?

- I. Pemberhentian secara sukarela
 - II. Pemberhentian secara tidak sukarela
 - III. Pemberhentian secara persetujuan bersama
 - IV. Pemberhentian secara psikologi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

25. Antara berikut, yang manakah kemahiran kebolehterkerjaan?
- I. Kelayakan bersesuaian
 - II. Minat yang mendalam
 - III. Pengaruh keluarga dan rakan
 - IV. Pengalaman dalam pekerjaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
26. Berikut merupakan langkah-langkah melindungi sumber fizikal dan teknologi syarikat, **kecuali**
- A Membeli insurans
 - B Pengurusan risiko
 - C Menyelenggarakan mesin bila perlu
 - D Melupakan mesin-mesin yang tidak digunakan lagi
27. Sumber fizikal perniagaan dapat dijanakan dan dikenal pasti melalui langkah-langkah yang berikut, **kecuali**
- A Melihat persekitaran dari mana sumber boleh diperolehi
 - B Melihat kemampuan diri dan persekitaran dalaman syarikat
 - C Membeli sumber fizikal yang diperlukan sebelum memulakan perniagaan
 - D Mengenal pasti trend penggunaan teknologi berkaitan dengan mesin dan peralatan
28. Yang manakah sebab simpanan peribadi merupakan sumber pembiayaan yang popular pada masa kini?
- A Mudah diuruskan
 - B Liabiliti tidak terhad
 - C Jumlah dana yang besar
 - D Melibatkan obligasi pihak luar
29. Kedai Jahit Ammer Zulfa telah menyewa 10 buah mesin jahit dengan pilihan untuk membeli mesin tersebut setelah tamat tempoh sewaan. Apakah bentuk pembiayaan yang diterima Kedai Jahit Ammer Zulfa?
- A Pajakan
 - B Sewa beli
 - C Al-Rahnu
 - D Pemfaktoran

30. Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Vintage Vee Enterprise.

Untung Kasar:	RM35 000
Modal Awal:	RM24 000
Untung Bersih:	RM10 000
Kos Jualan:	RM12 000

Hitungkan peratus untung tokokan bagi perniagaan tersebut?

- A 2.90%
- B 2.91%
- C 2.92%
- D 2.93%

31. Seseorang yang dapat mereka cipta keluaran baharu yang tidak pernah dicipta oleh orang lain dikatakan mempunyai ciri;

- A kreatif
- B inovatif
- C berpandangan jauh
- D berani mengambil risiko

32. Maklumat di bawah berkaitan Encik Haiqal.

Encik Haiqal merupakan seorang penjual buku sekolah. Beliau terbaca satu laporan yang mengatakan bahawa bilangan pelajar sekolah akan bertambah pada kadar 15% - 25% setiap tahun dari tahun 2016 hingga tahun 2025. Beliau berjaya memujuk beberapa orang rakannya yang mempunyai kemahiran dan pengalaman bekerja dalam bidang penerbitan dan pemasaran untuk menubuhkan sebuah syarikat penerbitan buku sekolah.

Apakah ciri keperibadian usahawan yang dimiliki oleh Encik Haiqal?

- I Fleksibel
- II Berdikari
- III Semangat sepasukan
- IV Pandai mengambil peluang
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

33. Tindakan manakah yang dapat membantu usahawan membina jenama yang kukuh dalam jangka panjang?

- A Memberi diskaun
- B Menghasilkan produk bermutu
- C Menjual produk pada harga murah
- D Menjalankan promosi jualan yang intensif

34. Pernyataan manakah yang paling tepat bagi stok bergerak perlahan?
- A Mudah dijual kerana biasanya berharga murah
 - B Berisiko tinggi kerana boleh ketinggalan zaman
 - C Usahawan perlu membuat tempahan yang kerap
 - D Permintaan oleh pelanggan untuk stok adalah tinggi
35. Bagaimanakah kerjaya dalam bidang perniagaan memberi faedah kepada matlamat peribadi seorang usahawan?
- A Dapat melaksanakan tanggungjawab social perniagaan
 - B Menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada masyarakat
 - C Memberi kebebasan mengurus ke hidupan harian diri dan keluarga
 - D Dapat menghasilkan pelbagai produk yang memenuhi keperluan Pengguna
36. Siapakah yang memiliki ciri-ciri keperibadian seorang usahawan?
- A. Encik Hong merupakan seorang yang berinisiatif dan dapat merebut peluang perniagaan
 - B. Encik Yong suka menjalankan perniagaan yang tiada risiko kegagalan
 - C. Cik Aini berpuas hati dengan perniagaan milikan tunggalnya
 - D. Cik Saraswati hanya menjalankan aktiviti jual beli perniagaan
37. Encik Sufian memindahkan meja kopi pejabat ke rumah beliau untuk kegunaan keluarga. Apakah dokumen perniagaan yang terlibat dengan aktiviti tersebut?
- A Invois
 - B Memo
 - C Bil Tunai
 - D Baucer Pembayaran
38. Perniagaan Choe Exclusive memperkenalkan produk coklat terbaharu mereka yang diberi nama RaspChoc yang menggabungkan ramuan seperti coklat dan rasberi. Syarikat mensasarkan pelanggan yang berkunjung di pusat membeli-belah di sekitar Kuching. Hasrat perniagaan ini ialah pelanggan dapat merasa kelazatan produk terbaharu mereka sebelum membuat pembelian. Antara berikut, kaedah promosi yang manakah yang sesuai dilakukan oleh perniagaan Choc Exclusive bagi mencapai hasrat tersebut?
- A Publisiti
 - B Pengiklanan
 - C Promosi Jualan
 - D Jualan langsung

39. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kepentingan rancangan perniagaan kepada usahawan?

I Sebagai alat kawalan

II Sebagai alat penanda aras

III Sebagai alat pengukur

IV Sebagai alat komunikasi

A I dan II

C II dan III

B I dan IV

D III dan IV

40. Apakah kepentingan rancangan perniagaan kepada Pekerja?

A memberikan pendedahan terhadap matlamat organisasi serta peranan yang dimainkan oleh mereka

B meyakinkan bahawa perniagaan tersebut mampu memenuhi keperluan kontrak kerja dengan baik dan berterusan

C meyakinkan terhadap kemantapan perancangan perniagaan untuk memperoleh bekalan bahan mentah atau barang niaga secara kredit

D bantu menjustifikasikan permohonan usahawan bagi pembiayaan perniagaan



SET 3

KERTAS 2

[ARAS TINGGI]

Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana **lima** soalan daripada bahagian ini.

1. (a) Maklumat berikut menunjukkan perniagaan Afifa Scarves.

Afifa Liyana menjalankan sebuah perniagaan menjual tudung iaitu Afifa Scarves. Setiap tahun Afifa akan menyediakan laporan prestasi kewangan untuk mengetahui untung rugi perniagaannya. Beliau akan membandingkan keuntungannya pada tahun tersebut dengan keuntungan pada tahun yang lepas. Beliau hendak memastikan keuntungan yang didapati daripada perniagaan lebih tinggi berbanding dengan tahun lepas.

Mengapakah keuntungan sangat penting kepada perniagaan tersebut ?

[4 markah]

- (b) Gambar 1 di bawah ini berkaitan dengan sejenis organisasi.



Gambar 1

Terangkan TIGA jenis kaedah yang boleh digunakan oleh organisasi berkenaan untuk menjalankan perniagaan.

[6 markah]

2. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pengangguran.

Pandemik COVID-19 yang berlaku pada tahun 2020 dan 2021 telah menyebabkan negara mengalami kemelesetan ekonomi kerana banyak perniagaan tidak dapat beroperasi.

(i) Jelaskan jenis pengangguran tersebut ?

[2 markah]

(ii) Jelaskan cara kerajaan mengatasi masalah pengangguran di 2(a)(i).

[4 markah]

(b) Terangkan tiga kesan deflasi kepada negara ?

[4 markah]

3. Maklumat berikut berkaitan dengan objektif Perusahaan Makanan Ringan Mok Nah.

- Mencapai sekurang-kurangnya RM30 000 jualan sebulan
- Mengeluarkan produk makanan ringan berasaskan ubi dan pisang yang berkualiti
- Menjual 100 000 pek makanan ringan dalam masa 5 tahun

(a) Terangkan ciri-ciri objektif perniagaan bagi Perusahaan Makanan Ringan Mok Nah.

[6 markah]

(b) Gambar 2 di bawah berkaitan dengan sejenis barang.



Gambar 2

(i) Nyatakan jenis saluran agihan yang sesuai digunakan untuk mengedarkan barang tersebut kepada pengguna.

[1 markah]

(ii) Terangkan sebab memilih saluran agihan di 3(b)(i).

[3 markah]

4 (a) Nyatakan tiga sumber teknologi yang terdapat dalam sesebuah perniagaan

[3 markah]

(b) Terangkan prosedur yang diperlukan oleh sesebuah perniagaan untuk mengurus sumber teknologi.

[5 markah]

(c) Mengapakah sesebuah perniagaan perlu mengurus sumber teknologi?

[2 markah]

5 Berdasarkan perbualan di bawah, jawab soalan-soalan yang berikut.

Zahir	: Saya ingin memulakan perniagaan kecil-kecilan menjual bekas alat tulis kepada pelajar sekolah selepas peperiksaan SPM nanti. Awak mahu serta?
Sahid	: Cadangan yang bagus tapi dari manakah kita hendak mendapatkan modalnya?
Zahir	: Saya cadangkan kita mula menabung dari sekarang. Kita ada hampir dua tahun lagi sebelum SPM. Saya pasti kita sempat mengumpul modal yang kita perlukan.
Sahid	: Saya setuju. Lagipun duit raya yang baru saya terima sudah RM480. Saya berjanji akan mengumpul wang mulai sekarang

(a) Apakah sumber pembiayaan yang dicadangkan oleh kedua-dua orang kawan baik di atas?

[1 markah]

(b) Jelaskan kelebihan sumber pembiayaan yang dicadangan di 1(a).

[4 markah]

(c) Mengapakah Hafiz dan Syamil terpaksa menggunakan cara yang dinyatakan untuk mendapatkan modal bagi perniagaan kecil mereka itu?

[5 markah]

6 (a) Jelaskan empat ciri keperibadian seorang usahawan.

[8 markah]

(b) Pada pendapat anda, bagaimanakah seorang pengurus dapat meningkatkan tahap motivasi pekerjanya?

[2 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

7 (a) Dialog di bawah menunjukkan perbualan antara dua orang individu.

Encik : Boleh ulang apa yang anda cakap tadi? Saya tak boleh
Ahmad : Dengar sebab ada gangguan.

Encik : Boleh, Encik Ahmad.
Samy

Pada pendapat anda, apakah gangguan yang mungkin berlaku dalam proses komunikasi di atas ? [4 markah]

(b) Makluman di bawah berkaitan tentang Combi Enterprise.

Nina merupakan pemilik Combi Enterprise yang mengeluarkan beg cenderamata untuk kegunaan pelbagai program syarikat dan agensi kerajaan. Nina telah memperoleh satu kontrak syarikat taman tema terkenal di Malaysia untuk menyediakan cenderamata. Syarat utama kontrak ialah Nina perlu menyewa sebuah lot gerai di taman tema berkenaan dengan sewa tahunan sebanyak RM5 500. Nina tidak memerlukan sebarang alat tetapi beliau perlu membeli bahan-bahan mentah berjumlah RM2.50 sen seunit. Nina mengambil keputusan untuk menjual cenderamata dengan harga RM8 seunit dan dia menjangka boleh menghasilkan 2 500 unit setahun.

- (i) Apakah kaedah yang sesuai digunakan oleh Nina untuk menganggar bila perniagannya akan memperoleh keuntungan. Berikan alasan anda. [4 markah]
- (ii) Tentukan jumlah beg cenderamata yang perlu dikeluarkan oleh Combi Enterprise agar tidak mengalami kerugian mahupun untung. [4 markah]
- (ii) Berapakah hasil jualan yang diperolehi jika Combi Enterprise dapat menjual 2 000 unit beg cenderamata? [3 markah]

8 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Encik Muzammil telah bersara awal untuk membolehkannya menceburi bidang perniagaan. Dia bercadang untuk membuka pusat tuisyen. Dia telah menyediakan satu rancangan perniagaan terperinci yang menjelaskan tentang perniagaan yang dijelankannya. Dia telah mendaftarkan perniagaannya pada 1 Januari 2022 dengan nama MZ Home Tuition dengan modal berjumlah RM80 000. Pada awal penubuhan, terdapat 50 orang murid yang telah mendaftar dengan membayar yuran pendaftaran sebanyak RM100 dan yuran bulanan sebanyak RM350. Encik Muzammil telah mengupah lima orang guru untuk mengajar di pusat tuisyennya. MZ Home Tuition menawarkan lima subjek iaitu Matematik, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan RBT untuk murid tingkatan 1 sehingga tingkatan 5.

- (a) Mengapakah Encik Muzammil memilih untuk menubuhkan MZ Home Tuition? [5 markah]
- (b) Apakah ciri-ciri keperibadian yang harus dimiliki oleh Encik Muzammil untuk memastikan perniagaannya berjaya? [6 markah]
- (c) Jelaskan kepentingan menyediakan Rancangan Perniagaan kepada Encik Muzammil? [4 markah]

9 Maklumat berikut merupakan penyata pendapatan sebuah syarikat.

Syarikat Retro Berhad		
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022		
	RM	RM
Jualan		150 000
<i>Tolak</i> : Kos Jualan		
Stok awal	20 900	
Belian	70 506	
	91406	
<i>Tolak</i> : Stok akhir	9 500	
Kos Jualan		81906
Untung kasar		68094
<i>Tolak</i> : Belanja operasi		54 239
Untung bersih		13 855

- (a) Terangkan nisbah yang sesuai digunakan untuk menilai prestasi Syarikat Retro Berhad? [6 markah]
- (b) Hitung peratusan margin untung bersih bagi Syarikat Retro Berhad. [3 markah]
- (c) Cadangkan langkah yang boleh diambil oleh Syarikat Retro Berhad bagi meningkatkan peratusan margin untung bersihnya. [6 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

- 10 Puan Riana merupakan pemilik stesen minyak yang bertempat di Segamat, Johor. Puan riana memulakan perniagaan dengan mendapatkan bantuan modal daripada suami melalui simpanan dan memohon pinjaman daripada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB). Beliau memilih untuk mendapatkan pinjaman daripada PUNB kerana tidak mahu terikat dengan perjanjian bank. Lagipun pinjaman menerusi bank memerlukan pembayaran faedah yang tinggi dan sebagainya.

Kini, stesen minyak beliau memasuki tahun ketujuh operasi di bawah kendalian beliau. Menjalankan perniagaan stesen minyak 24 jam membabitkan pelbagai risiko seperti kecurian dan rompakan berikutan penerimaan jumlah wang tunai yang sangat banyak pada setiap hari. Puan Riana mengambil langkah berjaga-jaga demi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku. Justeru, stesen minyak beliau dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV) di setiap sudut yang disambung terus ke telefon bimbitnya supaya beliau dapat memantau keadaan walau di mana-mana dan pada bila-bila masa. Beliau juga telah membeli insurans kebakaran bagi tujuan keselamatan premis perniagaannya.

Beliau sangat menitikberatkan perihal keselamatan kerana perniagaannya yang berisiko. Oleh itu beliau juga akan memantau jadual penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh pekerjanya. Sekiranya berlaku sebarang masalah, tindakan akan diambil dengan segera.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan yang berikut.

- (a) Terangkan sumber fizikal dalam operasi perniagaan Puan Riana. [6 markah]
- (b) Jelaskan prosedur mengurus sumber fizikal dalam operasi perniagaan oleh Puan Riana. [10 markah]
- (c) Jelaskan sumber pembiayaan perniagaan yang digunakan Puan Riana. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

PERATURAN PERMARKAHAN KERTAS 1:

SET 1: [ARAS RENDAH]

NO	JAWAPAN	MARKAH
1	D	1
2	A	1
3	C	1
4	A	1
5	B	1
6	B	1
7	B	1
8	B	1
9	B	1
10	D	1
11	C	1
12	B	1
13	C	1
14	C	1
15	A	1
16	A	1
17	C	1
18	B	1
19	A	1
20	A	1
21	A	1
22	C	1
23	D	1
24	B	1
25	A	1
26	A	1
27	A	1
28	B	1
29	D	1
30	D	1
31	C	1
32	B	1
33	B	1
34	A	1
35	D	1
36	A	1
37	C	1
38	B	1
39	A	1
40	A	1

PERATURAN PERMARKAHAN KERTAS 2:
SET 1: [ARAS RENDAH]

No soalan	Jawapan	Markah
1 (a)	Tujuan Perniagaan: H1 Menawarkan barang /perkhidmatan H2 Bagi memenuhi keperluan / kehendak manusia H3 Bermotifkan untung / OBU	1 1 1 [Mak 3m]
1 (b)	Kepentingan keuntungan kepada sesebuah perniagaan: H1 Mengukur tahap prestasi H2 Menentukan hala tuju perniagaan H3 Penting untuk mengembangkan perniagaan H4 Memastikan kelangsungan perniagaan H5 Melambangkan imej perniagaan H6 Imej yang tinggi boleh menarik pelaburan baharu H7 Membolehkan perniagaan menjalankan tanggungjawab sosia	1 1 1 1 1 1 1 [Mak 3m]
1 (c) (i)	F1 Organisasi bukan bermotifkan untung (OBBU)	[1 m]
1 (c) (ii)	Tiga kaedah perniagaan OBBU: H1 Secara Percuma H2 Jualan Pada Harga Kos H3 Jualan Pada Harga di Bawah Kos	1 1 1 [Mak 3m]
2 (a)	(i) Peniaga X: H1 Perniagaan berasaskan perkhidmatan H2 Melibatkan penawaran barang tidak nyata atau ketara yang dapat memberikan kepuasan kepada pengguna	1 1 [Mak 2m]
	(ii) Peniaga Y: H1 Perniagaan berasaskan barang	1

	H2 Melibatkan penawaran barang fizikal atau ketara yang dapat dilihat, disentuh dan dirasa.	1												
		[Mak 2m]												
2 (b)	Ciri Perbezaan barang fizikal dengan barang perkhidmatan:													
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Barang fizikal</th> <th>Ciri</th> <th>Barang perkhidmatan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ketara – boleh dilihat, di rasa dan disentuh</td> <td>Ketaraan</td> <td>Tidak ketara – tidak boleh dilihat, dirasa dan disentuh</td> </tr> <tr> <td>Boleh disimpan untuk jangka masa tertentu</td> <td>Simpanan</td> <td>Tidak boleh disimpan dan perlu digunakan pada masa ia disediakan, contoh perkhidmatan rawatan oleh doktor diberikan apabila seseorang itu sakit</td> </tr> <tr> <td>Barang serupa dan seragam</td> <td>Kepelbagaian</td> <td>Sesuatu perkhidmatan itu unik mengikut cita rasa pengguna, contohnya tukang gunting rambut menggunting rambut mengikut fesyen pilihan pelanggan.</td> </tr> </tbody> </table>	Barang fizikal	Ciri	Barang perkhidmatan	Ketara – boleh dilihat, di rasa dan disentuh	Ketaraan	Tidak ketara – tidak boleh dilihat, dirasa dan disentuh	Boleh disimpan untuk jangka masa tertentu	Simpanan	Tidak boleh disimpan dan perlu digunakan pada masa ia disediakan, contoh perkhidmatan rawatan oleh doktor diberikan apabila seseorang itu sakit	Barang serupa dan seragam	Kepelbagaian	Sesuatu perkhidmatan itu unik mengikut cita rasa pengguna, contohnya tukang gunting rambut menggunting rambut mengikut fesyen pilihan pelanggan.	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Mak 6m]</p>
Barang fizikal	Ciri	Barang perkhidmatan												
Ketara – boleh dilihat, di rasa dan disentuh	Ketaraan	Tidak ketara – tidak boleh dilihat, dirasa dan disentuh												
Boleh disimpan untuk jangka masa tertentu	Simpanan	Tidak boleh disimpan dan perlu digunakan pada masa ia disediakan, contoh perkhidmatan rawatan oleh doktor diberikan apabila seseorang itu sakit												
Barang serupa dan seragam	Kepelbagaian	Sesuatu perkhidmatan itu unik mengikut cita rasa pengguna, contohnya tukang gunting rambut menggunting rambut mengikut fesyen pilihan pelanggan.												
3 (b) (i)	H1 Objektif tidak dinyatakan secara spesifik H2 Objektif tiada tempoh masa H3 Objektif tidak realistik	1 1 1												
		[Mak 2m]												
3 (b) (ii)	H1 Jualan merosot / Kegagalan mencapai sasaran jualan boleh menjejaskan objektif / matlamat H2 Tidak mampu membayar kos perniagaan / Sebahagian kos operasi tidak mampu dibayar oleh perniagaan / kos upah / kos bahan mentah	1 1												

	<p>H3 Gagal dalam persaingan / tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh untuk membina strategi / menghadapi persaingan pasaran.</p> <p>H4 Imej perniagaan terjejas / perniagaan sukar mendapat kerjasama daripada pihak berkepentingan / pembiaya / pelabur</p> <p>H5 Tidak mampu mengembangkan perniagaan / Tidak dapat membesarkan perniagaan / ketidakmampuan bertahan dalam industri.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Mak 2m]</p>
3 (b) (i)	<p>Pertumbuhan perniagaan:</p> <p>H1 Hasil yang meningkat dari semasa ke semasa / mencapai matlamat perniagaan</p> <p>H2 Menjadi asas kepada perkembangan perniagaan pada masa hadapan</p> <p>H3 Merancang membuka cawangan yang banyak / keuntungan dijadikan modal untuk membuka cawangan perniagaan</p> <p>H4 Membesarkan perniagaan sedia ada / pertambahan kuantiti jualan produk / hasil jualan perniagaan boleh meningkat</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Mak 3m]</p>
3 (b) (ii)	<p>Memaksimumkan keuntungan:</p> <p>H1 Perniagaan mendapat keuntungan yang tinggi</p> <p>H2 Hasil daripada penggunaan sumber perniagaan termasuk bahan mentah / modal / modal insan / teknologi</p> <p>H3 Keuntungan diperolehi apabila terdapat lebih dalam hasil ditolak jumlah kos</p> <p>H4 Keuntungan digunakan sebagai modal pusingan / untuk meneruskan perniagaan.</p> <p>H5 Membuat perancangan jangka masa pendek / panjang untuk mendapat keuntungan.</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[Mak 3m]</p>

4a	<p>i) X ialah Perlindungan insurans dan keselamatan</p> <p>ii) X sangat penting kepada sesebuah perniagaan kerana:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlindungan dan keselamatan • Insurans dapat melindungi peniaga dari risiko • Seperti kebakaran, kecurian dan kemalangan. • Peniaga mendapat pampasan/ganti rugi jika risiko tersebut berlaku • Dapat membina/membaiki kerosakan/kerugian yang ditanggung • Contoh insuran kebakaran, insurians kecurian dan insuran kemalangan • Dilengkapi dengan peralatan keselamatan • Bagi mengurangkan kerosakan/kerugian yang lebih teruk • Seperti alat pemadam api,kamera litar tertutup dan alat penggera kebakaran • Pekerja dilengkapi dengan kemahiran mengendalikan mesin dengan betul • Memastikan tiada kecederaan berlaku 	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>Maks 5m</p>
4b	<p>Peranan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memantau pembangunan harta intelektual (IP) di Malaysia • Menggalakan lebih ramai orang menjadi pemilik harta intelek • Memberi nasihat dalam semula • Mengemas kini perundangan harta intelek 	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
